Ministry of Education
SINGAPORE

MINISTRY OF EDUCATION

**DILUKIS OLEH
MOOF**



**PESTA YANG
SUNGGUH HEBAT!**

BAGAIMANA BUKU INI BOLEH DIGUNAKAN

Penghargaan merupakan kecenderungan pembelajaran yang menyediakan kanak-kanak untuk pembelajaran sepanjang hayat.

Kanak-kanak yang mempunyai rasa penghargaan menyedari bahawa semua orang memiliki ciri-ciri yang unik. Mereka menghormati semua orang, menghargai apa yang dikatakan dan belajar daripada semua. Pada penghujung cerita, watak utama, Bruno, menunjukkan penghargaan apabila dia menyedari bahawa kucing-kucing lain mempunyai idea-idea berharga yang dipelajari. Kucing-kucing lain pula bergilir-gilir menghargai cadangan Bruno. Dengan menggabungkan kesemua idea mereka dan bekerja dalam satu pasukan, kucing-kucing itu mengadakan pesta yang paling meriah.

Anda mungkin ingin membaca cerita ini beberapa kali kepada kanak-kanak. Cerita ini boleh digunakan untuk membimbing kanak-kanak melalui proses mengenal pasti dan menilai kecenderungan pembelajaran bagi penghargaan. Berikut ialah beberapa cadangan:

Untuk Membantu Kanak-kanak Mengenal Pasti Dan Menghargai Kecenderungan Pembelajaran Bagi Penghargaan

Soalan:

- Pada mulanya Bruno tidak menyukai idea kawan-kawannya dan bercadang untuk mengadakan pestanya sendiri. Bagaimanakah suasana pestanya jika dibandingkan dengan pesta kawan-kawannya? Mengapakah dua pesta itu berbeza?
 - Pada pendapat anda, mengapakah Bruno meminta maaf? Apakah yang telah dipelajari daripada kucing-kucing lain?
 - Kawan-kawan Bruno telah menjemputnya ke pesta mereka dan menunjukkan bahawa mereka menghargai ideanya. Bagaimanakah dapat anda mengetahui tentang perkara ini? Mengapakah kucing-kucing mengadakan pesta yang paling meriah?
- 




PESTA YANG SUNGGUH HEBAT!

Cerita asal oleh Ho Lee-Ling
Dilukis oleh Moof



Ministry of Education
SINGAPORE

Suatu ketika dahulu, ada empat ekor kucing yang tinggal di Tiong Bahru.







Pada suatu hari, mereka bertemu dengan seekor anak kucing. Mereka suka akan anak kucing tersebut. Mereka menamakannya “Kitty”.




“Mari kita adakan pesta untuk menyambut Kitty,” kata Bruno, seekor kucing yang berwarna coklat.



**“Saya bawa ikan bilis,” kata Socks.
“Saya bawa belon,” kata Susu.**



**“Saya bawa tali untuk ikat belon,”
kata Patches.**



**“Cadangan yang menarik!” sahut kucing-kucing tersebut.
Tetapi, ada seekor kucing yang tidak setuju.**



“Tidak! Tidak! Tidak! Saya tidak suka semua cadangan awak!” kata Bruno. “Saya akan mengadakan pesta saya sendiri.”




**Pada keesokan harinya, kucing-kucing tersebut
mula merancang pesta mereka.**





Mereka memasang hiasan.





Mereka membawa makanan dan permainan.







Kitty pergi ke pesta Bruno.

Kemudian, dia pergi ke pesta kucing-kucing lain.







Kucing-kucing yang lain melihat Bruno sendirian. Mereka merasa kasihan.



“Awak mahu ke pesta kami?” tanya Patches.



**Bruno merasa bersalah atas perbuatannya.
“Maafkan saya. Cadangan awak semua sangat baik!”
kata Bruno.**



**“Saya pasti awak pun ada cadangan yang menarik,”
kata Socks. “Ya,” kata Bruno. “Saya akan menyanyi!”**



Pesta ini hebat sekali!



Mengenai Penulis

Lee-Ling penulis dan sejarawan Singapura. Dia tinggal bersama dua ekor kucingnya, Diva dan Princeton. Kucing-kucingnya itu gemar makan ikan bilis dan bermain dengan kotak-kotak kadbod. Lee-Ling memang tertarik dengan seni bina dan nostalgia terhadap Tiong Bahru yang mempesonakan, dan tentulah juga, terhadap kucing-kucing liar yang berkeliaran di estet itu.

Mengenai Pelukis

Mike Foo (Moof) ilustrator, pembuat mainan dan penjaga kedai buku yang dibesarkan di Singapura. Apabila dia tidak melukis atau mengecat, dia akan membaca buku-buku bergambar. Selalunya, dia akan melayan Scotti, anjing peliharaannya yang suka bermain dengan tali dan berdengkur seperti kucing.

Acknowledgements

We would like to express our appreciation to the following parties for their contribution and assistance in making this publication possible:

- Ms Mawaddah binte Ismail from En-Naeem Mosque Kindergarten; and
- Curriculum Planning and Development Division, MOE.

© 2014, Ministry of Education

Republic of Singapore

Published by Marshall Cavendish Education

An imprint of Marshall Cavendish International (Singapore) Private Limited

Times Centre, 1 New Industrial Road, Singapore 536196

Customer Service Hotline: (65) 6213 9444

E-mail: tmesales@sg.marshallcavendish.com

Website: www.marshallcavendish.com/education

Marshall Cavendish is a trademark of Times Publishing Limited.

First published 2014

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying or otherwise, without prior permission of the copyright holder.

ISBN 978-981-01-2806-7

Printed in Singapore by Times Printers, www.timesprinters.com

Designed by Orgnix Creatives